

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Arus perkembangan peradaban di dunia tidak dibenarkan tertatap pada suatu sudut pemandangan yang boleh kekal melegakan penghuni-penghuninya. Ia terbentang demi penerusan kehidupan, tetapi ini hanya dapat dijayakan dengan perjuangan yang bersungguh-sungguh dalam keadaan terumbang-ambing. Suasana yang memeriahkan kemungkinan menjadi medan pertarungan dalam masa sekilip mata tanpa memberi peluang demi persediaan. Ada kalanya kekecohan adalah disebabkan pertempuran antara agama, perselisihan antara ideologi ataupun penghinaan terhadap kebudayaan pihak lain.

Kejahanan dan kegembilangan sesuatu peradaban manusia bagaikan nasib ombak yang begitu teratur dan berkekalan. Menurut teori “Cabaran dan Tindak-balas” (Challenge and Response) Arnold Toynbee, peradaban manusia tidak dapat dielakkan daripada dilandai pelbagai cabaran yang mungkin menghapuskannya. Dengan adanya cabaran dalaman dan luaran, didapati sesuatu peradaban akan dirangsangkan agar melalui peringkat-peringkat perkembangan, pembantutan dan keruntuhan.¹

Walau bagaimanapun, pandangan ini tidak bererti keruntuhan merupakan pengakhiran sesuatu peradaban, yakninya dengan rangsangan tekanan kemerosotan akan menghidupkan daya perkembangan peradaban yang seterusnya. Setiap keadaan

¹Arnold J. Toynbee, *A Study of History, Abridgement of volumes I-VI*, diedit oleh D.O. Somervell (New York: Oxford University Press, 1954), hlm. 43-47.

berkecamuk pasti mempunyai pelindung-pelindung yang mampu menghulurkan bantuannya untuk menyelesaikan masalah-masalah dan menyelamatkannya daripada lopak-lapik keruntuhan. Pelindung-pelindung itu selalu tersenarai bersama dengan nama tokoh-tokoh ataupun pahlawan-pahlawan yang berhiba hati terhadap peradaban yang dicintai oleh mereka. Salah satu contoh yang unggul ialah orang-orang Cina terutamanya golongan intelektual dalam sejarah perkembangan Negara China moden pada abad ke-19 dan ke-20. Mereka telah mempamerkan keazaman yang kuat dan kukuh agar membangkit semula dan membentuk peradaban Cina yang moden setelah lanyakan Barat. Pelbagai kempen dan gerakan telah dilancarkan oleh intelektual moden untuk menerajui pimpinan yang berwawasan mendaulatkan peradaban Cina semula. Salah satu gerakan yang penting ialah Gerakan 4 Mei. Meskipun ia sememangnya telah tertinggal selama lebih kurang satu abad, tetapi rintihan-rintihan mereka masih diambil berat oleh generasi sekarang, dan kita tetap menerima sebagai iktibar penuh dengan iman kepada seluruh umat manusia di dunia ini. Kita jarang menghadkan penyebaran fahaman terhadap Gerakan 4 Mei sebagai Peristiwa 4 Mei pada tahun 1919 yang hanya khas menunjuk kepada peristiwa tunjuk perasaan pada waktu itu. Dengan itu, takrifan Gerakan 4 Mei lebih biasa ditinjau dari sudut yang meluas yang berkait dengan satu siri kegiatan yang mencakupi dari tahun 1917 hingga tahun 1922.

1.2 **OBJEKTIF-OBJEKTIF KAJIAN**

Pada hemat saya, Gerakan 4 Mei merupakan satu pengajian yang harus diselidik dengan teliti oleh generasi yang seterusnya. Saranan-saranan Tu Wei-ming (Du Weiming) yang merupakan seorang tokoh Konfusianisme hari ini adalah satu peringatan yang baik.

Seseorang pemerhati Gerakan 4 Mei harus mengetahui cara memahami ideologi tradisi dan membentangkan kritikan-kritikan terhadap kebudayaan tradisi sementara mengekalkan kebudayaan tradisi yang tertentu. Cara-cara menyerap unsur-unsur peradaban Barat moden dan cara-cara menolak unsur-unsur Barat yang tidak sihat amatlah menarik hati pemerhati-pemerhati.² Soalan-soalan ini ialah persoalan yang am dan perlu dimaklumkan oleh negara-negara yang sedang membangun. Dengan menitikberatkan empat perkara ini, maka kajian ke atas dilema gerakan akan dihargai dengan lebih bermakna.

Kini, sungguhpun pengibaran bendera imperialisme sudah lenyap di rantau Asia, pertempuran antara peradaban masih jelas kelihatan mengganggu orientasi perkembangan dalam bidang-bidang sosial, pendidikan, agama, kebudayaan, pemikiran dan sebagainya. Proses modenisasi dan globalisasi terkebat dengan gaya yang bermacam-macam; sama ada mahu atau tidak mahu, ia telah diiringi dengan unsur-unsur nafsu kapitalisme, pengaruh keagamaan, kesan materialistik, semangat sosialisme, keghairahan utilitarianisme, dan sebagainya. Tanpa peninjauan dan penilaian yang tepat dan mendalam, kita sukar hendak membezakan nilai-nilai yang baik dan buruk dalam peradaban Timur dengan Barat; ataupun tradisi dengan moden. Oleh itu, demi pemeliharaan unsur-unsur yang suci dari Timur dan tradisi, serta menyerap nilai-nilai baik dari Barat, maka suatu pengkajian perlu dijalankan untuk membuat pengenalan secara akademik dan penilaian ke atas gerakan ini. Melalui fahaman terhadap dilema yang dihadapi oleh orang-orang Cina moden, pembaca-pembaca akan lebih jelas dengan asal-usul perjuangan tersebut. Lantaran ilmu-ilmu daripada analisis-analisis, kita

²Du Weiming, *Yiyang Laifu* (Hidup Semula) (Shanghai: Shanghai Wenyi Chubanshe, 1997), hlm. 106-108.

mungkin mampu mengenalpasti jati diri kita di Asia yang belum terlepas daripada belenggu Barat dan kesan sampingan pemodenan. Selain itu, pengenalpastian atas masalah dan desakan yang ditemui oleh orang-orang Cina moden akan melunturkan gambaran orientalisme yang ditampalkan oleh Barat yang membayangkan Timur adalah sesuatu koloni yang penuh dengan kekayaan yang terbesar namun terkolot. Justeru konsep ini perlu diperbetulkan dan dibentuk semula dengan kolonialisme yang dikemukakan oleh Eropah. Daripada implikasi kenyataan *Orientalism* oleh Edward Said, jati diri Timur susah diyakinkan melalui pengenalan semula selepas pertempuran peradaban Timur dengan Barat kerana imej Timur termasuk peradaban Cina yang sekian lama dibina telah dilahirkan daripada pengetahuan yang berunsurkan Barat.³ Oleh itu, pesongan ini hanya dapat ditegakkan dengan meninjau semula masalah-masalah yang sebenarnya dihadapi oleh peradaban tertentu.

1.3 METODOLOGI DAN TAJUK KAJIAN

Metod kajian perpustakaan menjadi cara utama dalam membantu menyiapkan kajian di mana hampir semua bahan yang berkait dengan penulisan disertasi ini boleh didapati daripadanya. Bahan-bahan tersebut merangkumi buku-buku, kamus, majalah-majalah, jurnal-jurnal, ensiklopedia-ensiklopedia dan sebagainya. Bahan-bahan maklumat utama yang dirujuk kebanyakannya tercatat dalam Bahasa Cina dan Bahasa Inggeris. Manakala perpustakaan yang dirujuk pula ialah Perpustakaan Utama Universiti Malaya dan Perpustakaan Asia Timur Universiti Malaya. Maklumat-maklumat yang didapatkan melalui internet juga merupakan sumber kajian ini.

³Edward W. Said, *Orientalism* (New York: Penguin Group, 1978), hlm. 1.

Memandangkan Gerakan 4 Mei merangsangkan Pemodenan Peradaban Cina maka tajuk “Gerakan 4 Mei dan Perkembangan Peradaban Cina” telah dipilih. Tajuk yang baik akan memudahkan semua pihak memahami maksud dan tujuan sesuatu penulisan dengan jelas. Jadi berdasarkan objektif-objektif kajian ini, Gerakan 4 Mei dan Peradaban Cina telah menjadi kunci perkataan tajuk disertasi supaya pembaca-pembaca mengetahui perkembangan peradaban Cina dalam zaman moden yang banyak dipengaruhi oleh Gerakan 4 Mei.

Dalam kajian ini, penulis tidak akan mengupas dan membezakan terminologi peradaban dan kebudayaan dengan lebih teliti. Diharapkan pembaca-pembaca akan memahami definisi terminologi peradaban dalam hujah-hujah kajian ini yang merangkumi maksud yang lebih meluas dan umum. Demi kejelasan definisi, terminologi peradaban boleh disama-ertikan dengan perkataan-perkataan Inggeris “civilization” yang lahir daripada perkataan Latin iaitu *civitas*, *civilis*, *civis* dan *civilitas*; *kei* sebagai perkataan Greek; *wenming* dalam bahasa Cina; *nakarikam* iaitu perkataan daripada bahasa Tamil; yang secara keseluruhan membawa maksud yang berkisar kepada warganegara, undang-undang, sistem pemerintahan, kediaman, adat-resam dan tingkah laku atau tatasusila yang baik.⁴ Oleh itu, dalam sesetengah huraian istilah peradaban digunakan dengan erti bersamaan dengan perkataan kebudayaan malah istilah peradaban lebih meluas digunakan supaya disertasi ini lancar dibentangkan.

⁴Mahdi b. Shuib, *Wacana Dialog Peradaban* (Selangor: MHF Publication, 2000), hlm. 2.

1.4 PEMBAHAGIAN PENULISAN

Tepatnya dedahan pemimpin kaum intelektual semasa Gerakan 4 Mei, Hu Shi (1891-1962), sebelum bertindak biarlah masalahnya dikaji dahulu⁵ Beginilah sudut peninjauan disertasi ini dilancarkan. Oleh itu, bagi memperoleh manfaat daripada pengetahuan kajian ini, masalah-masalah perkembangan peradaban Cina moden menjadi usul utama dalam kerja ini. Huraian yang ditampilkan terbahagi kepada beberapa tajuk yang berpaksi kepada perbincangan tentang masalah ataupun dilema orang-orang moden Cina. Selepas suatu pengenalan yang ringkas dalam bab pertama, jati diri orang-orang Cina diperhatikan dalam bab kedua. Jati diri golongan intelektual tradisi Cina yang sebagai wakil kepada perjuangan pembangunan negara pada masa silam diterangkan. Trend perubahan peranan serta kualiti golongan intelektual ketika mengalami perubahan yang disebabkan oleh pengaruh idea-idea Konfusianisme setelah bernaung di bawah kuasa politik dihujahkan. Dalam bab ini, definisi Gerakan 4 Mei akan diterangkan supaya kita mengetahui hubungan antara Gerakan 4 Mei dan golongan intelektual moden Cina. Kesedaran intelektual dalam era baru Gerakan 4 Mei juga diterangkan untuk menjelaskan konflik yang ditemui oleh pemikir-pemikir Cina terutamanya penerangan pada golongan intelektual ketika peradaban Cina sedang menemui suatu daya paksaan proses pemodenan.

Sebelum masalah-masalah peradaban Cina dibincangkan, bab ketiga akan membentangkan fakta-fakta peristiwa Gerakan 4 Mei menurut perspektif perkembangan sejarah. Dalam bab ini, fakta-fakta yang dititikberatkan ialah peristiwa Gerakan 4 Mei

⁵Hu Shi, dipetik daripada *Zhencao Yu Wenti* (Kesucian Wanita dan Masalah) yang tersimpan dalam *Hu Shi Zuopin Ji 6* (Koleksi Hu Shi Keenam) (Taipei: Yuanliu Chuban Shiye Gufen Youxian Gongsi, 1994), hlm. 113.

dalam perkembangan sejarah Cina dan impak-impak gerakan ini kepada perkembangan peradaban Cina. Antaranya, asal-usul kejadian gerakan ini dan impak-impak pada aspek falsafah dan pemikiran, kekeluargaan dan wanita, serta pencapaian Revolusi Sastera ditekankan. Manakala aspek-aspek bahasa dan sastera, perbahasan antara aspek sains dan metafizik akan diberikan lebih penumpuan kerana kedua-dua aspek ini adalah perkembangan penting terhadap peradaban Cina terutamanya pada peringkat keintelektualan yang menentukan keunggulan peradaban Cina. Selain itu, memandangkan Revolusi Sastera telah mencapai satu kejayaan yang cemerlang dan telah menimbulkan banyak konflik antara golongan tradisi dan moden, maka hujah-hujah tentang sikap ini lebih teliti.

Seterusnya, huriaian bab keempat terbahagi kepada empat bahagian. Masalah-masalah perkembangan peradaban Cina moden ditinjaukan daripada empat segi, iaitu masalah orientasi, soal identiti orang-orang Cina dalam perkembangan peradaban Cina, sekatan ideologi, dan masalah kesesatan dalam jalan membangkitkan peradaban semula yang dihadapi oleh orang-orang Cina. Orang-orang Cina masing-masing telah memaparkan masalah golongan intelektual yang merupakan penjelajah peradaban yang membabitkan kepedihan minda dan kekaburuan keilmuan, sertakekakuan tindakan mereka terhadap keadaan yang kucar-kacir. Orientasi golongan intelektual akan dihuraikan dahulu. Mereka bertungkus lumus untuk metafsir semula fungsi mereka masing-masing. Akan tetapi dengan keruntuhan ideologi yang diikuti oleh mereka selama dua ribu tahun, mereka menemui satu krisis orientasi. Keadaan ini mengakibatkan mereka kehilangan

identiti sebagai rakyat Cina sehingga mereka tersesat dalam jalan untuk membangkitkan negara semula.

Reaksi orang-orang Cina terhadap lanyakan Barat telah mengharungi tiga peringkat, iaitu dari mementingkan peralatan dan teknologi Barat, kepada penyusunan semula struktur politik sehingga mengubahsuaikan peradaban dalaman. Tatatertib golongan intelektual untuk menghadapi gangguan dari Barat menunjukkan keadaan yang dinamik. Jadi, sebagai kesimpulan disertasi iaitu bab kelima, persoalan hala tuju peradaban Cina mendapat selidik umum agar di samping kelemahan pejuang-pejuang dikritik, usaha-usaha pejuang-pejuang peradaban Cina untuk membebaskan diri daripada rantai kangkang kemunduran peradaban juga diamati.